

MIC, MCA akur saranan PM kaji meritokrasi

BH 20 MAY 2002

Oleh Magendren Rajagopal

SHAH ALAM, Ahad - MIC dan MCA akur dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa isu pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menggunakan kaedah meritokrasi perlu dikaji semula sebelum satu keputusan yang boleh diterima semua pihak dapat dicapai.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata be-

liau menerima jaminan Dr Mahathir dan sanggup memberi masa kepada Kementerian Pendidikan serta Kabinet mencapai satu jalan penyelesaian yang terbaik.

"Saya yakin kerajaan Barisan Nasional (BN) dapat selesaikan masalah ini apabila gambaran keseluruhan, lengkap dengan fakta dan butiran lanjut dikemukakan kepada Kabinet, Rabu ini.

"Saya tidak pernah hilang harapan terhadap Perdana Menteri kerana beliau amat teliti membuat

sesuatu keputusan dan tidak terburu-buru membuat ketetapan. Kita perlu tunggu keputusan beliau," katanya selepas perbincangan tertutup selama kira-kira 20 minit dengan Perdana Menteri dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di sini, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-56 dan dalam ucapannya, beliau menjelaskan mengenai meritokrasi, khususnya mengenai pengurangan pengambilan pelajar Cina dan India berbanding sis-

tem pengambilan pelajar berdasarkan kuota, dan meminta MIC serta MCA bersabar.

Peraturan pelajar India ke IPTA tahun ini susut mendadak kepada 4.7 peratus berbanding lapan peratus pada tahun sebelumnya, sama seperti kemasukan pelajar Cina ke IPTA tetapi kadar perbezaannya tidak begitu tinggi.

Kata Samy Vellu, semua pihak perlu menaruh keyakinan terhadap Perdana Menteri kerana beliau banyak berjasa kepada masyarakat India dan menyediakan pelbagai insentif

tanpa diminta.

Sementara itu, Dr Ling juga menerima saranan Perdana Menteri dan mahu mendapatkan statistik sebenar pengambilan pelajar ke IPTA dan institusi swasta sebelum membincangkannya lebih lanjut.

"Kita perlu tahu berapa ramai pelajar menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan berapa ramai mengambil kursus matrikulasi selain mengetahui ketelusan kaedah pengambilan serta jumlah pelajar yang memilih institusi swasta sebelum mem-

buat sebarang andaian.

"Walaupun MIC menyokong meritokrasi, ia bukan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar kemasukan pelajar India dan Cina ke IPTA dan kita perlu kaji kenapa perkara ini berlaku apabila bertukar daripada sistem kuota.

"Kita perlu kaji sama ada wujud pengurangan mendadak di institusi swasta. Jika kadar pelajar bukan Melayu di institusi swasta meningkat ia bermakna mereka yang membuat pilihan tidak mahu ke IPTA," katanya.